

Lebih 200,000 pelajar IPT ke Perak tahun 2020

11/1/03
KAMPAR 12 Jan. — Perak dijangka menerima kehadiran lebih 200,000 pelajar institut pengajian tinggi (IPT) yang melanjutkan pelajaran masing-masing di IPT swasta atau awam sekitar menjelang tahun 2020 nanti.

Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berkata, anggaran tersebut berdasarkan langkah beberapa universiti tempatan yang ternama yang menempatkan kampus utama masing-masing di negeri ini dalam tempoh beberapa tahun lagi.

Beliau berkata, dalam pada itu, Perak juga kini menjadi tumpuan sektor pendidikan swasta yang menawarkan pelbagai kursus sama ada di peringkat sijil, diploma dan ijazah.

“Selain Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Tanjung Malim dan Universiti Teknologi Petronas serta Universiti Teknologi Mara (UiTM) di Tronoh, Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) di Kampar adalah universiti ketiga yang menempatkan kampus utama di negeri ini.

“Dalam pada itu, sehingga kini terdapat 400 buah institusi swasta sekitar negeri ini yang menawarkan pelbagai kursus di peringkat sijil, diploma dan ijazah,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di upacara meletak batu asas UTAR oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di sini, hari ini.

Turut hadir Menteri Pengangkutan yang juga Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik.

Sehubungan itu, Mohd. Tajol Rosli memberitahu kerajaan negeri akan memberi sokongan dan menyediakan kemudahan yang diperlukan oleh mana-mana pihak pengurusan universiti sama ada dari dalam atau luar negara yang ingin membuka kampus cawangan sekitar negeri ini.